

**ANALISIS LINGUISTIK SEJARAWI TERHADAP
ASPEK FONOLOGI DAN LEKSIKAL BAHASA
JAKUN DI JOHOR**

MOHAMAD ROZI BIN KASIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2019

**ANALISIS LINGUISTIK SEJARAWI TERHADAP
ASPEK FONOLOGI DAN LEKSIKAL BAHASA
JAKUN DI JOHOR**

oleh

MOHAMAD ROZI BIN KASIM

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

November 2019

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya pengkaji dapat menyiapkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia tesis ini, Profesor Dr. Noriah Mohamed di atas usaha beliau membantu, memberi pengetahuan, dorongan, tunjuk ajar dan nasihat dengan penuh kesabaran sepanjang pengkaji menghasilkan tesis ini.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada semua pensyarah Bahagian Bahasa Malaysia, Terjemahan dengan Interpretasi (BMBATI), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang telah mencurahkan ilmu pengetahuan kepada pengkaji sepanjang menimba ilmu di Universiti Sains Malaysia.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada ibu, Ramlah binti Saidin yang sentiasa memberi sokongan, semangat, dan mendoakan kejayaan pengkaji. Terima kasih juga diucapkan kepada semua ahli keluarga yang sentiasa membantu dan memberi sokongan kepada pengkaji sepanjang tempoh pengajian pengkaji di Universiti Sains Malaysia. Akhir sekali, ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada informan-informan Orang Asli Jakun yang memberi sokongan dan bantuan semasa kajian lapangan.

Mohamad Rozi Bin Kasim
2019

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Peta	xix
Senarai Singkatan	xx
Senarai Lambang	xxi
Abstrak	xxiv
Abstract	xxvi

BAB 1 – PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Penyataan Masalah	11
1.4	Objektif Kajian	15
1.5	Persoalan Kajian	18
1.6	Batasan Kajian	18
1.7	Kepentingan Kajian	20
1.8	Kesimpulan	22

BAB 2 – METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORETIS

2.1	Pendahuluan	23
2.2	Metodologi Kajian	23
2.2.1	Kawasan Kajian	23

2.2.2	Kaedah Kajian	24
2.3	Kerangka Teoretis	40
2.3.1	Kerangka Teoretis Leksikostatistik	40
2.3.2	Kerangka Teoretis Sistem Fonem	45
2.3.3	Kerangka Teoretis Atur Rumus	57
2.4	Kesimpulan	74

BAB 3 – SOROTAN LITERATUR

3.1	Pendahuluan	76
3.2	Sorotan Literatur	76
3.3	Kesimpulan	92

BAB 4 – ANALISIS SISTEM FONEM DUA BUAH DIALEK JAKUN

4.1	Pendahuluan	94
4.2	Sistem Fonem Dialek Jakun 1	96
4.2.1	Vokal Dialek Jakun 1	96
4.2.2	Diftong Dialek Jakun 1	103
4.2.3	Konsonan Dialek Jakun 1	104
4.3	Sistem Fonem Dialek Jakun 2	126
4.3.1	Vokal Dialek Jakun 2	126
4.3.2	Diftong Dialek Jakun 2	133
4.3.3	Konsonan Dialek Jakun 2	134
4.4	Persamaan dan Perbezaan Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2	156
4.5	Kesimpulan	168

BAB 5 – PROSES FONOLOGI DUA BUAH DIALEK JAKUN

5.1	Pendahuluan	170
5.2	Bahasa Melayu Purba Sebagai Struktur Dalam	170
5.3	Proses Fonologi Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2	171
5.3.1	Vokal	171
5.3.2	Diftong	197
5.3.3	Konsonan	199
5.4	Kesimpulan	205

BAB 6 – ANALISIS PERBANDINGAN DUA BUAH DIALEK JAKUN DAN PERBANDINGAN DENGAN BAHASA MELAYU

6.1	Pendahuluan	207
6.2	Bahasa dan Hubungan Kekkerabatan	207
6.3	Kaedah Perbandingan Kosa Kata Dasar	210
6.4	Perbandingan Kosa Kata Dasar Dua Buah Dialek Jakun	212
6.5	Perbandingan Dua Buah Dialek Jakun dengan Bahasa Melayu Standard	224
6.6	Kesimpulan	236

BAB 7 – RUMUSAN

7.1	Pendahuluan	237
7.2	Rumusan	237
7.3	Penemuan Baru	243
7.4	Cadangan Kajian	246
7.5	Kesimpulan	247

BIBLIOGRAFI

249

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 2.1	Sampel protokol soalan temu bual sistem fonem dialek-dialek Jakun	35
Jadual 2.2	Senarai semak aktiviti untuk membaca semakan protokol temu bual	36
Jadual 2.3	Senarai 200 kosa kata dasar yang digunakan dalam kaedah perbandingan	41
Jadual 2.4	Senarai 200 kosa kata dasar yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu standard	42
Jadual 2.5	Jadual tingkat kekerabatan bahasa	45
Jadual 2.6	Kedudukan lidah semasa bunyi vokal	48
Jadual 2.7	Konsonan bahasa Melayu	53
Jadual 3.1	Perbandingan antara dialek Jakun (1) dan Jakun (2)	78
Jadual 3.2	Perbandingan perkataan bahasa Kenaboi, Beduanda, Jakun Melaka dan Jakun Johor	79
Jadual 3.3	Analisis kosa kata Benua	82
Jadual 3.4	Peratus berkognat bahasa Melayu dengan enam suku kaum Orang Asli	85
Jadual 4.1	Vokal Dialek Jakun 1	96
Jadual 4.2(a)	Kehadiran vokal [i] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	97
Jadual 4.2(b)	Kehadiran vokal [i] di suku kata tertutup dalam Dialek Jakun 1	97
Jadual 4.2(c)	Kehadiran vokal [i] di suku kata terbuka dalam Dialek Jakun 1	97
Jadual 4.3(a)	Kehadiran vokal [e] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	98
Jadual 4.3(b)	Kehadiran vokal [e] di suku kata tertutup dalam Dialek Jakun 1	98
Jadual 4.3(c)	Kehadiran vokal [e] di suku kata terbuka dalam Dialek Jakun 1	98

Jadual 4.4(a)	Kehadiran vokal [a] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	99
Jadual 4.4(b)	Kehadiran vokal [a] di suku kata tertutup dalam Dialek Jakun 1	99
Jadual 4.4(c)	Kehadiran vokal [a] di suku kata terbuka dalam Dialek Jakun 1	99
Jadual 4.5(a)	Kehadiran vokal [u] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	100
Jadual 4.5(b)	Kehadiran vokal [u] di suku kata tertutup dalam Dialek Jakun 1	100
Jadual 4.5(c)	Kehadiran vokal [u] di suku kata terbuka dalam Dialek Jakun 1	100
Jadual 4.6(a)	Kehadiran vokal [o] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	101
Jadual 4.6(b)	Kehadiran vokal [o] di suku kata tertutup dalam Dialek Jakun 1	101
Jadual 4.6(c)	Kehadiran vokal [o] di suku kata terbuka dalam Dialek Jakun 1	102
Jadual 4.7(a)	Kehadiran vokal [ə] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	102
Jadual 4.7(b)	Kehadiran vokal [ə] di suku kata tertutup dalam Dialek Jakun 1	102
Jadual 4.7(c)	Kehadiran vokal [ə] di suku kata terbuka dalam Dialek Jakun 1	103
Jadual 4.8(a)	Kehadiran diftong [ai] dalam Dialek Jakun 1	103
Jadual 4.8(b)	Kehadiran diftong [au] dalam Dialek Jakun 1	104
Jadual 4.8(c)	Kehadiran diftong [oi] dalam Dialek Jakun 1	104
Jadual 4.9(a)	Kehadiran konsonan [p] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	105
Jadual 4.9(b)	Kehadiran konsonan [p] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	105
Jadual 4.9(c)	Kehadiran konsonan [p] di akhir kata dalam Dialek Jakun 1	106
Jadual 4.10(a)	Kehadiran konsonan [b] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	106

Jadual 4.10(b)	Kehadiran konsonan [b] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	107
Jadual 4.11(a)	Kehadiran konsonan [k] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	107
Jadual 4.11(b)	Kehadiran konsonan [k] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	108
Jadual 4.11(c)	Kehadiran konsonan [k] di akhir kata atau di posisi koda dalam Dialek Jakun 1	108
Jadual 4.12(a)	Kehadiran konsonan [g] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	109
Jadual 4.12(b)	Kehadiran konsonan [g] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	109
Jadual 4.13(a)	Kehadiran konsonan [t] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	109
Jadual 4.13(b)	Kehadiran konsonan [t] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	110
Jadual 4.13(c)	Kehadiran konsonan [t] di akhir kata dalam Dialek Jakun 1	110
Jadual 4.14(a)	Kehadiran konsonan [d] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	111
Jadual 4.14(b)	Kehadiran konsonan [d] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	111
Jadual 4.15(a)	Kehadiran hentian glotis [ʔ] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	112
Jadual 4.15(b)	Kehadiran hentian glotis [ʔ] di akhir kata dalam Dialek Jakun 1	112
Jadual 4.16(a)	Kehadiran konsonan [c] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	113
Jadual 4.16(b)	Kehadiran konsonan [c] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	113
Jadual 4.17(a)	Kehadiran konsonan [j] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	113
Jadual 4.17(b)	Kehadiran konsonan [j] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	114

Jadual 4.18(a)	Kehadiran konsonan [m] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	114
Jadual 4.18(b)	Kehadiran konsonan [m] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	115
Jadual 4.18(c)	Kehadiran konsonan [m] di akhir kata dalam Dialek Jakun 1	115
Jadual 4.19(a)	Kehadiran konsonan [n] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	116
Jadual 4.19(b)	Kehadiran konsonan [n] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	116
Jadual 4.19(c)	Kehadiran konsonan [n] di akhir kata dalam Dialek Jakun 1	116
Jadual 4.20(a)	Kehadiran konsonan [ŋ] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	117
Jadual 4.20(b)	Kehadiran konsonan [ŋ] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	117
Jadual 4.21(a)	Kehadiran konsonan [ŋ] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	118
Jadual 4.21(b)	Kehadiran konsonan [ŋ] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	118
Jadual 4.21(c)	Kehadiran konsonan [ŋ] di akhir kata dalam Dialek Jakun 1	118
Jadual 4.22(a)	Kehadiran konsonan [s] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	119
Jadual 4.22(b)	Kehadiran konsonan [s] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	119
Jadual 4.22(c)	Kehadiran konsonan [s] di akhir kata dalam Dialek Jakun 1	120
Jadual 4.23(a)	Kehadiran konsonan [h] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	120
Jadual 4.23(b)	Kehadiran konsonan [h] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	121
Jadual 4.23(c)	Kehadiran konsonan [h] di akhir kata dalam Dialek Jakun 1	121

Jadual 4.24(a)	Kehadiran konsonan [l] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	122
Jadual 4.24(b)	Kehadiran konsonan [l] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	122
Jadual 4.24(c)	Kehadiran konsonan [l] di akhir kata dalam Dialek Jakun 1	122
Jadual 4.25(a)	Kehadiran konsonan [r] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	123
Jadual 4.25(b)	Kehadiran konsonan [r] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	123
Jadual 4.25(c)	Kehadiran konsonan [r] di akhir kata (ejaan) dalam Dialek Jakun 1	124
Jadual 4.26(a)	Kehadiran konsonan [w] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	124
Jadual 4.26(b)	Kehadiran konsonan [w] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	125
Jadual 4.27(a)	Kehadiran konsonan [y] di awal kata dalam Dialek Jakun 1	125
Jadual 4.27(b)	Kehadiran konsonan [y] di tengah kata dalam Dialek Jakun 1	126
Jadual 4.28	Vokal Dialek Jakun 2	126
Jadual 4.29(a)	Kehadiran vokal [i] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	127
Jadual 4.29(b)	Kehadiran vokal [i] di suku kata tertutup dalam Dialek Jakun 2	127
Jadual 4.29(c)	Kehadiran vokal [i] di suku kata terbuka dalam Dialek Jakun 2	127
Jadual 4.30(a)	Kehadiran vokal [e] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	128
Jadual 4.30(b)	Kehadiran vokal [e] di suku kata tertutup dalam Dialek Jakun 2	128
Jadual 4.30(c)	Kehadiran vokal [e] di suku kata terbuka dalam Dialek Jakun 2	128
Jadual 4.31(a)	Kehadiran vokal [a] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	129

Jadual 4.31(b)	Kehadiran vokal [a] di suku kata tertutup dalam Dialek Jakun 2	129
Jadual 4.31(c)	Kehadiran vokal [a] di suku kata terbuka dalam Dialek Jakun 2	130
Jadual 4.32(a)	Kehadiran vokal [u] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	130
Jadual 4.32(b)	Kehadiran vokal [u] di suku kata tertutup dalam Dialek Jakun 2	130
Jadual 4.32(c)	Kehadiran vokal [u] di suku kata terbuka dalam Dialek Jakun 2	131
Jadual 4.33(a)	Kehadiran vokal [o] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	131
Jadual 4.33(b)	Kehadiran vokal [o] di suku kata tertutup dalam Dialek Jakun 2	131
Jadual 4.33(c)	Kehadiran vokal [o] di suku kata terbuka dalam Dialek Jakun 2	132
Jadual 4.34(a)	Kehadiran vokal [ə] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	132
Jadual 4.34(b)	Kehadiran vokal [ə] di suku kata tertutup dalam Dialek Jakun 2	133
Jadual 4.34(c)	Kehadiran vokal [ə] di suku kata terbuka dalam Dialek Jakun 2	133
Jadual 4.35(a)	Kehadiran diftong [ai] dalam Dialek Jakun 2	134
Jadual 4.35(b)	Kehadiran diftong [au] dalam Dialek Jakun 2	134
Jadual 4.35(c)	Kehadiran diftong [oi] dalam Dialek Jakun 2	134
Jadual 4.36(a)	Kehadiran konsonan [p] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	135
Jadual 4.36(b)	Kehadiran konsonan [p] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	135
Jadual 4.36(c)	Kehadiran konsonan [p] di akhir kata dalam Dialek Jakun 2	136
Jadual 4.37(a)	Kehadiran konsonan [b] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	136
Jadual 4.37(b)	Kehadiran konsonan [b] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	137

Jadual 4.38(a)	Kehadiran konsonan [k] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	137
Jadual 4.38(b)	Kehadiran konsonan [k] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	138
Jadual 4.38(c)	Kehadiran konsonan [k] di akhir kata atau di posisi koda dalam Dialek Jakun 2	138
Jadual 4.39(a)	Kehadiran konsonan [g] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	139
Jadual 4.39(b)	Kehadiran konsonan [g] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	139
Jadual 4.40(a)	Kehadiran konsonan [t] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	139
Jadual 4.40(b)	Kehadiran konsonan [t] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	140
Jadual 4.40(c)	Kehadiran konsonan [t] di akhir kata dalam Dialek Jakun 2	140
Jadual 4.41(a)	Kehadiran konsonan [d] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	141
Jadual 4.41(b)	Kehadiran konsonan [d] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	141
Jadual 4.42(a)	Kehadiran hentian glotis [ʔ] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	142
Jadual 4.42(b)	Kehadiran hentian glotis [ʔ] di akhir kata dalam Dialek Jakun 2	142
Jadual 4.43(a)	Kehadiran konsonan [c] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	143
Jadual 4.43(b)	Kehadiran konsonan [c] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	143
Jadual 4.44(a)	Kehadiran konsonan [j] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	143
Jadual 4.44(b)	Kehadiran konsonan [j] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	144
Jadual 4.45(a)	Kehadiran konsonan [m] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	144

Jadual 4.45(b)	Kehadiran konsonan [m] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	145
Jadual 4.45(c)	Kehadiran konsonan [m] di akhir kata dalam Dialek Jakun 2	145
Jadual 4.46(a)	Kehadiran konsonan [n] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	145
Jadual 4.46(b)	Kehadiran konsonan [n] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	146
Jadual 4.46(c)	Kehadiran konsonan [n] di akhir kata dalam Dialek Jakun 2	146
Jadual 4.47(a)	Kehadiran konsonan [ŋ] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	147
Jadual 4.47(b)	Kehadiran konsonan [ŋ] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	147
Jadual 4.48(a)	Kehadiran konsonan [ŋ] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	148
Jadual 4.48(b)	Kehadiran konsonan [ŋ] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	148
Jadual 4.48(c)	Kehadiran konsonan [ŋ] di akhir kata dalam Dialek Jakun 2	148
Jadual 4.49(a)	Kehadiran konsonan [s] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	149
Jadual 4.49(b)	Kehadiran konsonan [s] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	149
Jadual 4.49(c)	Kehadiran konsonan [s] di akhir kata dalam Dialek Jakun 2	150
Jadual 4.50(a)	Kehadiran konsonan [h] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	150
Jadual 4.50(b)	Kehadiran konsonan [h] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	150
Jadual 4.50(c)	Kehadiran konsonan [h] di akhir kata dalam Dialek Jakun 2	151
Jadual 4.51(a)	Kehadiran konsonan [l] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	152

Jadual 4.51(b)	Kehadiran konsonan [l] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	152
Jadual 4.51(c)	Kehadiran konsonan [l] di akhir kata dalam Dialek Jakun 2	152
Jadual 4.52(a)	Kehadiran konsonan [r] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	153
Jadual 4.52(b)	Kehadiran konsonan [r] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	153
Jadual 4.52(c)	Kehadiran konsonan [r] di akhir kata (ejaan) dalam Dialek Jakun 2	154
Jadual 4.53(a)	Kehadiran konsonan [w] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	154
Jadual 4.53(b)	Kehadiran konsonan [w] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	155
Jadual 4.54(a)	Kehadiran konsonan [y] di awal kata dalam Dialek Jakun 2	155
Jadual 4.54(b)	Kehadiran konsonan [y] di tengah kata dalam Dialek Jakun 2	155
Jadual 4.55	Persamaan perkataan dan makna	157
Jadual 4.56	Perbezaan perkataan tetapi sama makna	158
Jadual 4.57	Contoh perkataan yang mempunyai hentian glotis di akhir kata dalam Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2	161
Jadual 4.58	Contoh perkataan dalam Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 yang mengalami pengguguran konsonan /r/	161
Jadual 4.59	Contoh perkataan dalam Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 yang mengalami perendahan vokal	162
Jadual 4.60	Contoh perkataan dalam Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 yang tidak mengalami perendahan vokal seperti dalam bahasa Melayu standard	163
Jadual 4.61	Contoh perkataan dalam Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 yang tidak mengalami penengahan vokal seperti dalam bahasa Melayu standard	164
Jadual 4.62	Contoh perkataan dalam Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 yang mengalami penasalan vokal	164

Jadual 4.63	Contoh perkataan dalam Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 yang mengalami penyisipan geluncuran	165
Jadual 4.64	Contoh perkataan dalam Dialek Jakun 1 yang mengalami penaikan vokal daripada vokal /a/ kepada vokal /o/ dan berbeza dengan Dialek Jakun 2	166
Jadual 4.65	Contoh perkataan dalam Dialek Jakun 2 yang mengalami penaikan vokal daripada vokal /a/ kepada vokal /e/ dan berbeza dengan Dialek Jakun 1	167
Jadual 4.66	Penyisipan hentian glotis dalam Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2	168
Jadual 5.1	Perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba, Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 dari sudut kewujudan vokal [a] sebelum konsonan akhir	173
Jadual 5.2	Kewujudan vokal [a] di suku kata akhir dalam bahasa Melayu purba, Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2	175
Jadual 5.3	Perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba, Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 dari sudut kewujudan vokal [ə] sebelum konsonan akhir	176
Jadual 5.4	Perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba, Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 dari sudut kewujudan vokal tinggi [i] di suku kata kedua akhir	179
Jadual 5.5	Perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba, Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 dari sudut kewujudan vokal tinggi [u] di suku kata kedua akhir	181
Jadual 5.6	Perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba, Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 dari sudut kewujudan vokal tinggi [i] dan [u] di suku kata akhir	183
Jadual 5.7	Senarai perkataan bahasa Melayu purba, Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 yang mempunyai urutan vokal	186
Jadual 5.8	Senarai perkataan Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 yang mengalami penyisipan hentian glotis antara urutan vokal	189
Jadual 5.9	Senarai perkataan Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 yang mengalami perendahan vokal	190

Jadual 5.10	Senarai perkataan Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 yang berlaku perendahan vokal	191
Jadual 5.11	Senarai perkataan yang berlaku pembelakangan vokal	192
Jadual 5.12	Senarai perkataan yang berlaku penasalan vokal	193
Jadual 5.13	Senarai dalam Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 yang mempunyai penasalan vokal secara regresif dan perbandingannya dengan bahasa Melayu purba	195
Jadual 5.14	Senarai dalam Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2 yang mempunyai penasalan vokal secara regresif disebabkan konsonan faringgal [ʕ]	196
Jadual 5.15	Senarai perkataan yang mengandungi diftong dalam bahasa Melayu purba, Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2	198
Jadual 5.16	Senarai perkataan dalam bahasa Melayu purba yang tidak mengalami pengguguran konsonan *r di akhir kata dan perbandingannya dengan Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2	200
Jadual 5.17	Senarai perkataan dalam bahasa Melayu purba yang mempunyai konsonan *h di posisi selain posisi akhir kata dan perbandingannya dengan Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2	202
Jadual 5.18	Senarai perkataan dalam bahasa Melayu purba yang mempunyai konsonan *b di antara urutan vokal dan perbandingannya dengan Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2	204
Jadual 6.1	Daftar 200 kosa kata dasar Dialek Jakun 1	212
Jadual 6.2	Daftar 200 kosa kata dasar Dialek Jakun 2	215
Jadual 6.3	Perbandingan 200 kosa kata dasar antara Dialek Jakun 1 dengan Dialek Jakun 2	217
Jadual 6.4	Jadual tingkat kekerabatan bahasa	223
Jadual 6.5	Perbandingan 200 kosa kata dasar antara Dialek Jakun 1 dengan bahasa Melayu standard	224
Jadual 6.6	Perbandingan 200 kosa kata dasar antara Dialek Jakun 2 dengan bahasa Melayu standard	230

Jadual 7.1	Rumusan bab 1	237
Jadual 7.2	Rumusan bab 2	239
Jadual 7.3	Rumusan bab 3	240
Jadual 7.4	Rumusan bab 4	240
Jadual 7.5	Rumusan bab 5	242
Jadual 7.6	Rumusan bab 6	243

SENARAI PETA

		Halaman
Peta 1.1	Kawasan-kawasan Orang Asli di Malaysia	4
Peta 2.1	Peta daerah-daerah di negeri Johor	24
Peta 4.1	Kawasan pertuturan Dialek Jakun 1 dan Dialek Jakun 2	95

SENARAI SINGKATAN

IPR	Kerangka Protokol Temu bual (<i>The Interview Protocol Refinement Framework</i>)
JAKOA	Jabatan Kemajuan Hal Ehwal Orang Asli
Kons	Konsonan
K	Konsonan
Ko	Koda
Kor	Koronal
V	Vokal

SENARAI LAMBANG

//	Struktur dalaman (<i>underlying form</i>), iaitu bunyi sesuatu bahasa yang belum mengalami proses fonologi.
[]	Struktur permukaan (<i>surface form</i>), iaitu bunyi ujaran sebenar selepas mengalami proses fonologi.
#	Sempadan kata.
\$	Sempadan suku kata.
+	Sempadan morfem.
α, β	Petunjuk sesuatu pemboleh ubah (<i>variable</i>), antara + dan – dalam rumus asimilasi.
αF	Digunakan untuk meringkaskan ciri-ciri yang berkaitan yang terlibat dalam rumus asimilasi.
\emptyset	Digunakan semasa rumus pengguguran, iaitu menandakan sesuatu fonem itu digugurkan semasa ujaran sebenar.
>	Bermaksud berubah ‘menjadi’ (perubahan diakronik)
<	Bermaksud ‘berasal daripada’ (diakronik)
*	Bermaksud perkataan yang dimiliki oleh bahasa purba yang telah direkonstruksi.
→	Bermaksud berubah ‘menjadi’ (perubahan sinkronik).
/	Garis pemisah antara input dengan output (selepas berlakunya sesuatu perubahan).
—	Ruang kosong menandakan tempat berlakunya sesuatu perubahan itu.

LAMBANG FONETIK

p	Konsonan letupan bibir tidak bersuara
b	Konsonan letupan bibir bersuara
t	Konsonan letupan gigi-gusi tidak bersuara
d	Konsonan letupan gigi-gusi bersuara
k	Konsonan letupan langit lembut tidak bersuara
g	Konsonan letupan langit lembut bersuara
ʔ	Hentian glotis
s	Konsonan geseran gigi-gusi tidak bersuara
h	Konsonan geseran anak tekak
c	Konsonan letusan langit keras tidak bersuara
j	Konsonan letusan langit keras bersuara
l	Konsonan sisian
m	Konsonan nasal bibir
n	Konsonan nasal gigi-gusi
ŋ	Konsonan nasal langit lembut
ɲ	Konsonan nasal langit keras
w	Separuh vokal bibir
y	Separuh vokal langit keras
i	Vokal depan tinggi hampar
e	Vokal depan separuh tinggi hampar
ɛ	Vokal depan separuh rendah hampar
æ	Vokal depan rendah hampar
a	Vokal tengah rendah hampar

- ə Vokal tengah (pepet)
- u Vokal belakang tinggi bundar
- o Vokal belakang separuh tinggi bundar
- ɔ Vokal belakang separuh rendah bundar

ANALISIS LINGUISTIK SEJARAWI TERHADAP ASPEK FONOLOGI DAN LEKSIKAL BAHASA JAKUN DI JOHOR

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan bahasa Jakun yang dituturkan oleh masyarakat Orang Asli Jakun di negeri Johor. Objektif pertama kajian ini adalah menghuraikan sistem fonem dua buah dialek Jakun. Objektif kedua kajian ini pula adalah menghuraikan proses fonologi dua buah dialek Jakun. Seterusnya, objektif ketiga dan keempat kajian ini pula adalah membandingkan kosa kata dasar dan menentukan tingkat kekerabatan antara dua buah dialek Jakun dan kemudiannya membandingkan kedua-dua buah dialek Jakun tersebut dengan bahasa Melayu standard. Keempat-empat objektif berkenaan dicapai dengan menggunakan beberapa teori utama, iaitu teori fonem segmental oleh Bloomfield (1992), teori fonologi atur rumus oleh Chomsky & Halle (1968) dan teori leksikostatistik yang disarankan oleh Swadesh (1955). Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dalam menghuraikan data yang dipungut di lapangan. Data kosa kata dialek-dialek Jakun diperoleh dengan menggunakan senarai 1000 patah perkataan yang diterjemahkan daripada bahasa Melayu standard kepada bahasa Jakun, manakala data kosa kata dasar pula didapati dengan cara menggunakan senarai 200 kosa kata dasar Swadesh (1955). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat dua buah dialek Jakun di negeri Johor. Dalam kajian ini juga didapati bahawa hubungan dua buah dialek Jakun ini dengan bahasa Melayu adalah pada peringkat keluarga bahasa. Penemuan baharu yang pertama ialah kajian ini mengesahkan kewujudan dua buah dialek Jakun di negeri Johor. Penemuan baharu yang kedua ialah kajian ini menolak kenyataan Carey

(1976) yang menganggap bahasa Jakun kini sudah hilang sifat keasliannya dan meminjam kosa kata bahasa Melayu sahaja. Sebaliknya, kajian ini mendapati bahawa bahasa Jakun bukan meminjam bahasa Melayu tetapi bahasa Jakun ini merupakan salah satu cabang daripada bahasa induk, iaitu bahasa Melayu purba. Kesimpulannya, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi titik tolak kepada kajian yang lebih banyak terhadap bahasa Jakun di tempat lain dan bahasa-bahasa Orang Asli yang lain. Kajian sebegini amat penting demi pelestarian bahasa Jakun memandangkan penutur bahasa ini, terutamanya generasi muda sudah mula beralih menggunakan bahasa Melayu standard dalam komunikasi mereka.

**AN HISTORICAL COMPARATIVE LINGUISTICS ANALYSIS OF THE
PHONOLOGICAL AND LEXICAL ASPECTS OF JAKUN LANGUAGE IN
JOHOR**

ABSTRACT

This study discusses the Jakun language spoken by Orang Asli Jakun in the state of Johor. The first objective of this study is to describe the phonemic system of two Jakun dialects. The second objective of this study is to elaborate the phonological process of two Jakun dialects. Accordingly, the third and fourth objectives of this study are to compare the basic vocabulary and determine the relationship between the two Jakun dialects, and then compare the two Jakun dialects with standard Malay language. The four objectives were achieved by using several major theories, namely segmental phoneme theory by Bloomfield (1992), rule order theory by Chomsky & Halle (1968) and lexicostatistics theory suggested by Swadesh (1955). Furthermore, this study uses qualitative descriptive method to interpret the data collected in the field. The Jakun dialects' vocabulary data is obtained from a list of 1,000 words translated from standard Malay to Jakun, while the basic vocabulary data is obtained by using Swadesh's 200-word list (Swadesh 1955). The findings show that there are two Jakun dialects in Johor. Additionally, it is found that the two Jakun dialects and Malay are in the same language family. The first new discovery is that this study confirms the existence of two Jakun dialects in the state of Johor. The second new discovery is that this study rejected Carey's (1976) statement which claimed that Jakun language had lost its originality and is borrowing Malay vocabulary. On the contrary, this study found that the Jakun language do not borrow from standard Malay

but is a branch of the parent language, the proto Malay language or Proto Malayic. In conclusion, this study is hoped to catalyse more studies on Jakun languages elsewhere and other Orang Asli languages. Such studies are important to ensure the sustainability of Jakun language since the speakers of this language, especially the younger generation have begun to shift to use standard Malay language in their communication.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bahagian ini merupakan pengenalan bagi kajian ini yang merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai kepada makhluk-Nya, iaitu manusia. Setiap manusia yang lahir ke dunia ini dianugerahkan bahasa ibunda masing-masing. Bahasa menurut Salzmann (2004: 49), merupakan keupayaan universal manusia yang kompleks yang digunakan untuk bertutur, dan baginya bahasa merujuk salah satu daripada beribu-ribu komunikasi lisan yang digunakan oleh masyarakat yang berbeza. Secara umum, sesuatu bahasa itu mestilah mempunyai penuturnya sendiri atau dikenali sebagai masyarakat bahasa. Semua bahasa di dunia ini mempunyai masyarakat bahasa yang tersendiri. Menurut Bloomfield (1992: 47), masyarakat bahasa ialah kumpulan manusia yang saling bertindak dengan menggunakan bahasa. Baginya, semua aktiviti manusia yang dikatakan tinggi lahir daripada penyesuaian yang rapat antara individu dalam sesebuah masyarakat bahasa dan penyesuaian ini, sebaliknya berasaskan bahasa; oleh itu masyarakat bahasa ialah satu kelompok sosial yang paling penting.


Dalam konteks kajian ini, masyarakat bahasa merupakan masyarakat peribumi atau Orang Asli di Malaysia yang memiliki pelbagai keunikan, seperti keunikan dari segi budaya, cara hidup, bahasa dan sebagainya. Keunikan yang terdapat dalam masyarakat Orang Asli ini menyebabkan sarjana di dalam dan di luar negara sering melakukan kajian terhadap masyarakat ini. Kajian terhadap masyarakat Orang Asli ini melibatkan pelbagai sudut, seperti sosioekonomi, budaya, bahasa dan sebagainya. Terdapat pelbagai tujuan kajian terhadap Orang Asli ini dijalankan, antaranya menonjolkan budaya, mengelakkan kepupusan bahasa, mengkaji perkaitan bahasa Orang Asli dengan bahasa lain dan sebagainya. Sebagai contoh, Benjamin (2016: 1) menyatakan tujuan utama kajian terhadap bahasa-bahasa Orang Asli adalah disebabkan bahasa-bahasa Orang Asli merupakan bahasa terancam. Beliau (2016: 1) menegaskan bahawa seseorang pengkaji bahasa dan antropologi sangat terkilan sekiranya data tentang bahasa Orang Asli yang dikaji oleh mereka hilang atau pupus begitu sahaja.

Krisis kepupusan bahasa ini sangat membimbangkan kita seperti yang dinyatakan oleh Krauss (1992: 4) yang mendefinisikan kepupusan bahasa ini sebagai “moribund” (hampir nazak atau menemui ajal) bagi membezakan kepupusan bahasa dengan kepupusan secara biologi. Krauss (1992: 5) menyatakan banyak bahasa peribumi yang sudah pupus atau semakin pupus, seperti di Alaska hanya dua daripada 20 buah bahasa peribumi yang masih digunakan, di Australia 90 peratus daripada 250 buah bahasa peribumi yang masih dipertuturkan sudah hampir pupus dan banyak lagi kawasan di dunia ini yang mengalami kepupusan bahasa peribumi. Kerisauan yang dinyatakan oleh Benjamin (2016) dan data kepupusan bahasa yang dilakukan oleh Krauss (1992) itulah yang menyebabkan ramai sarjana mengkaji bahasa Orang Asli.

Oleh itu, kajian ini mengkaji bahasa Orang Asli sebagai salah satu inisiatif untuk mengelakkan kepupusan bahasa atau menyimpan data tersebut sebelum tragedi kepupusan bahasa itu melanda bahasa Orang Asli yang ingin dikaji ini. Kajian yang dilakukan ini akan berfokuskan kepada Orang Asli yang tinggal di Malaysia, iaitu Orang Asli Jakun. Secara umumnya, Orang Asli merupakan penduduk asal Tanah Melayu. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Carey (1976: 5) bahawa Orang Asli terlebih dahulu tinggal di negara ini sebelum ketibaan kaum yang lain, seperti Melayu, Cina dan India. Menurut Carey (1976: 6) lagi, Orang Asli ini terbahagi kepada tiga kelompok yang utama, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Orang Asli Jakun merupakan Orang Asli yang berada dalam kelompok Melayu Proto. Carey (1976: 22) juga pernah mengatakan bahawa kelompok Melayu Proto telah datang ke Malaysia 4000 tahun dahulu, namun disebabkan tiadanya rekod bertulis, maka kenyataan tersebut mungkin ada kebenarannya atau hanya sekadar spekulasi. Kesemua kelompok Orang Asli Melayu Proto ini berada di kawasan selatan Semenanjung Malaysia yang terbahagi kepada tujuh kelompok, iaitu Temuan, Semelai, Temoq, Jakun, Orang Ulu, Orang Laut dan Orang Seletar (Amran Kasimin, 1991: 10).

Justifikasi kajian ini memilih masyarakat Orang Asli Jakun sebagai fokus utama kajian ini adalah disebabkan masyarakat Orang Asli Jakun merupakan masyarakat Orang Asli yang paling ramai di Johor. Mengikut Benjamin & Cynthia (2003: 22), statistik populasi masyarakat Orang Asli Jakun pada tahun 2000 ialah seramai 16,637 orang (bagi negeri Johor dan selatan Pahang), manakala populasi bagi masyarakat Orang Asli yang lain di Johor hanyalah seramai 2492 orang (Duano), 801 orang (Seletar) dan 64 orang (Kanaq). Statistik ini menunjukkan Orang Asli Jakun

merupakan masyarakat Orang Asli yang paling ramai tinggal di Johor. Oleh itu, kajian ini memilih masyarakat Orang Asli Jakun sebagai fokus kajian kerana semakin ramai penutur sesuatu bahasa itu, semakin tinggi keberangkalian untuk bahasa tersebut mempunyai lebih daripada sebuah dialek. Masyarakat Orang Asli Jakun ini kebanyakannya tinggal di negeri Johor, sempadan Johor-Pahang, dan selatan Pahang (lihat Peta 1.1). Antara daerah di negeri Johor yang menjadi tempat penempatan Orang Asli Jakun ini ialah daerah Kluang, Segamat, Mersing, dan Kota Tinggi.



Peta 1.1: Kawasan-kawasan Orang Asli di Malaysia

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Benjamin (2016: 9)

Dari sudut kawasan petempatan atau perkampungan Orang Asli Jakun ini, mereka tinggal di kawasan yang berhampiran dengan sungai. Hal ini sama seperti yang pernah dinyatakan oleh Maeda (2001) dalam kajiannya tentang masyarakat Orang Asli Jakun di Sungai Endau, Mersing. Menurut Maeda (2001: 13)

perkampungan Orang Asli Jakun di Endau terletak di Sungai Endau yang bergabung dengan Sungai Sembrong dan terus mengalir melalui Sungai Kahang, Kluang, Selai, dan Bekok. Sepanjang sungai yang dinyatakan oleh Maeda (2001) itulah terletak perkampungan Orang Asli Jakun. Sungai dan masyarakat Orang Asli Jakun tidak dapat dipisahkan kerana sejak zaman dahulu lagi sungai merupakan tempat untuk masyarakat Orang Asli Jakun mencari rezeki dengan menangkap hasil sungai, seperti ikan, udang dan sebagainya. Sungai ini bukan sahaja tempat masyarakat Orang Asli Jakun untuk mencari rezeki, malah sejak zaman dahulu lagi sungai ini digunakan sebagai laluan untuk mereka pergi ke sesuatu perkampungan Orang Asli dengan menggunakan bot atau sampan. Namun begitu, disebabkan kemajuan pengangkutan darat, seperti motosikal dan kereta, mereka tidak lagi menggunakan sungai untuk pergi ke sesuatu perkampungan. Selain itu, petempatan Orang Asli Jakun ini dari zaman dahulu sehingga kini tidak terlalu banyak beza dari sudut jumlah penduduk dalam sesuatu perkampungan itu. Menurut Carey (1976: 222), sesuatu petempatan Orang Asli Jakun itu biasanya mempunyai 50 hingga 70 orang penduduk sahaja. Jumlah tersebut juga hampir sama pada zaman ini. Di samping itu, jika pada zaman dahulu Orang Asli Jakun ini tinggal tidak tetap dan berpindah-randah, namun pada zaman ini menurut Amran Kasimin (1991: 15) Orang Asli Jakun telah mempunyai petempatan atau perkampungan yang tetap. Mereka sudah mempunyai tanah sendiri dan hal ini mewujudkan perkampungan tetap Orang Asli Jakun.

Apabila mempunyai petempatan yang tetap, masyarakat Orang Asli Jakun ketika ini membina rumah yang mempunyai struktur binaan yang lebih kukuh disebabkan rumah tersebut akan dihuni oleh mereka untuk beberapa generasi. Dari sudut struktur binaan rumah pula, kebanyakan rumah Orang Asli Jakun ketika ini

merupakan rumah yang diperbuat daripada batu. Kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah membantu masyarakat Orang Asli Jakun dengan membina rumah batu untuk keselesaan mereka. Struktur binaan rumah Orang Asli Jakun pada zaman ini jauh berbeza dengan struktur binaan rumah pada zaman dahulu seperti yang telah dinyatakan oleh Carey (1976). Carey (1976: 227) menyatakan rumah Orang Asli Jakun pada zaman dahulu dibina sebuah-sebuah mengikut keluarga dan tidak sama seperti rumah panjang. Rumah mereka diperbuat daripada kayu, atap nipah, dan terdapat beberapa batang kayu sepanjang empat hingga enam kaki yang dipacak di bawah rumah untuk dijadikan sebagai asas rumah (Carey 1976: 227). Selain itu, walaupun terdapat banyak perkampungan Orang Asli Jakun di Johor, namun setiap perkampungan tersebut hanya mempunyai anggaran 20 hingga 70 buah rumah sahaja bagi setiap satu perkampungan.

Dari sudut latar belakang pendidikan, terdapat masyarakat Orang Asli Jakun yang mempunyai latar belakang pendidikan yang formal dan terdapat juga yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang formal, iaitu tidak pernah bersekolah. Kebanyakan daripada mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan yang formal mempunyai tahap pendidikan di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti. Boleh dikatakan hampir semua anak Orang Asli Jakun mempunyai pendidikan tahap sekolah rendah disebabkan inisiatif kerajaan membina sekolah rendah di kawasan perkampungan Orang Asli, seperti Sekolah Kebangsaan Sendohok (Kluang), Sekolah Kebangsaan Sayong Pinang (Kota Tinggi) dan banyak lagi. Namun begitu, apabila anak Orang Asli Jakun ini sampai ke peringkat menengah, kebanyakan mereka tidak meneruskan pelajaran dan berhenti sekolah disebabkan beberapa faktor, seperti kemiskinan, jarak yang jauh untuk pergi ke sekolah

menengah dan kurang kesedaran tentang pentingnya ilmu pengetahuan yang perlu dikutip di sekolah. Walau bagaimanapun, masih terdapat anak Orang Asli Jakun yang berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan dan luar negara, namun jumlah mereka sangat sedikit.

Dari sudut pekerjaan, kebanyakan masyarakat Orang Asli Jakun kini bekerja dalam sektor pertanian. Kebanyakan mereka mengusahakan tanah mereka sendiri dengan mengusahakan tanaman kelapa sawit, getah dan sayur-sayuran. Namun begitu, pekerjaan masyarakat Orang Asli Jakun ini tidak terhenti di situ sahaja. Sebaliknya, sementara menunggu hasil pertanian dari kebun mereka dituai, mereka akan memungut hasil hutan seperti rotan, petai dan banyak lagi. Mereka juga akan memburu di hutan, seperti memburu landak, pelanduk, kancil, babi hutan dan sebagainya. Menurut Maeda (2001: 35), alatan memburu masyarakat Orang Asli Jakun ialah jirat (jerat), pelantik, sumpit, dan lembing. Selain memungut hasil hutan dan memburu di hutan, Orang Asli Jakun juga akan menangkap ikan di sungai dengan menggunakan jaring, lukah dan gombang. Hasil tangkapan ikan tersebut akan dijual di kedai atau dimakan oleh mereka. Kepakaran masyarakat Orang Asli Jakun dalam memungut hasil hutan, memburu dan menangkap ikan sememangnya sangat tinggi kerana mereka sudah didedahkan dengan aktiviti tersebut sejak kecil. Walaupun boleh dikatakan hampir semua masyarakat Orang Asli Jakun menjalankan pekerjaan dalam aktiviti pertanian, memungut hasil hutan, memburu dan menangkap ikan, namun masih ada sebilangan kecil generasi muda Orang Asli Jakun yang bekerja dalam sektor swasta dan kerajaan di bandar. Jumlah yang kecil yang bekerja di sektor swasta dan kerajaan disebabkan Orang Asli Jakun lebih selesa bekerja sendiri dan mengusahakan tanah hasil peninggalan nenek moyang mereka.

Dari sudut agama dan kepercayaan, masyarakat Orang Asli Jakun ini kebanyakannya tidak mempunyai agama atau dalam istilah lain mereka menganut kepercayaan animisme. Kepercayaan animisme ini bermaksud mereka tidak mempunyai agama tetapi mereka percaya bahawa roh nenek moyang dan semangat (penunggu atau penjaga) hutan sememangnya wujud. Mereka akan cuba sedaya upaya untuk menjaga tingkah laku mereka supaya roh nenek moyang dan semangat hutan tidak akan mengganggu mereka sekiranya mereka melakukan perbuatan yang tidak baik. Sebagai contoh, semasa di dalam hutan, mereka dilarang memotong pokok besar dan bercakap celupar (sombong) kerana sesuatu yang tidak baik akan menimpa mereka seperti sesat di dalam hutan dan diganggu makhluk halus (jin).

Selain itu, pada zaman moden ini, masyarakat Orang Asli Jakun juga masih mempercayai kuasa bomoh. Kebiasaannya, tok batin merupakan seorang bomoh (Carey, 1976: 225). Walaupun dunia semakin canggih dengan pelbagai teknologi perubatan yang terdapat di klinik atau hospital, namun masyarakat Orang Asli Jakun masih percaya bahawa bukan semua penyakit boleh diubati di klinik atau hospital. Mereka masih percaya bahawa penyakit, seperti dirasuk hantu, disihir dan banyak lagi penyakit mistik tidak boleh diubati di klinik atau hospital, sebaliknya hanya boleh diubati oleh bomoh. Menurut Carey (1976: 235), seorang wanita boleh menjadi bomoh tetapi tidak dibenarkan untuk menjadi ketua kumpulan atau tok batin. Menurut Carey (1976: 236) lagi, terdapat beberapa fungsi bomoh seperti membersihkan kampung daripada unsur mistik, memastikan upacara kematian dan perkahwinan tidak diganggu oleh syaitan dan jin, merawat pesakit dengan menggunakan herba dan akar kayu hutan dan membaca jampi serapah untuk memulihkan pesakit.

Dewasa ini, terdapat juga masyarakat Orang Asli Jakun yang telah menganut agama Islam dan Buddha. Mereka menganut agama Islam dan Buddha disebabkan kerelaan sendiri dan faktor perkahwinan campur yang berlaku dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun. Bagi Orang Asli Jakun yang berkahwin dengan orang Melayu, mereka akan menganut agama Islam dan seterusnya mengamalkan ajaran Islam, seperti bersolat lima waktu, berpuasa, menyambut Hari Raya Aidilfitri dan banyak lagi. Sebagai contoh, kewujudan sebuah surau di Kampung Punjut, Kahang menjadi bukti bahawa terdapat masyarakat Orang Asli Jakun yang menganut agama Islam. Bagi Orang Asli Jakun yang berkahwin dengan orang Cina pula, mereka akan menganut agama Buddha dan seterusnya mengamalkan ajaran agama Buddha, seperti bersembahyang di tokong, menyambut Tahun Baru Cina dan sebagainya.

Dari sudut perkahwinan, pada zaman dahulu, perkahwinan campur antara Orang Asli Jakun dengan kaum lain seperti Melayu atau Cina sangat jarang berlaku. Menurut Carey (1976: 232), sangat sedikit Orang Asli Jakun yang berkahwin dengan orang Melayu dan perkahwinan dengan orang Cina juga sesuatu yang jarang berlaku. Namun begitu, pada zaman ini, perkahwinan campur antara Orang Asli Jakun dengan orang Melayu atau Cina sudah menjadi sesuatu perkara yang biasa berlaku dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun. Kebanyakan ibu bapa sudah tidak lagi menghalang keinginan anak mereka untuk berkahwin dengan kaum lain. Hal ini disebabkan mereka mengetahui bahawa walaupun anak-anak mereka berkahwin dengan kaum lain, zuriat mereka nanti tetap berstatus Orang Asli seperti yang termaktub dalam Akta Orang Asli 134 (1954).

Dalam masyarakat Orang Asli Jakun, terdapat pelbagai adat yang perlu diikuti sebelum dan selepas sesuatu upacara perkahwinan itu. Menurut Carey (1976: 232), prosedur perkahwinan masyarakat Orang Asli Jakun lebih formal jika hendak dibandingkan dengan masyarakat Orang Asli daripada kelompok Negrito atau Senoi disebabkan pengaruh budaya masyarakat Melayu. Hal ini ada benarnya kerana prosedur perkahwinan dalam masyarakat Orang Asli Jakun sama dengan orang Melayu, iaitu perlu melalui peringkat merisik, bertunang dan bersanding (berkahwin). Terdapat juga wang hantaran yang perlu diberikan oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan. Upacara persandingan dan jamuan akan diadakan pada siang hari, manakala pada waktu malam akan diadakan pesta atau joget. Pesta atau joget ini merupakan salah satu keunikan budaya masyarakat Orang Asli Jakun sebagai tanda kegembiraan meraikan perkahwinan salah seorang daripada anggota masyarakat mereka.

Dari sudut bahasa, fokus utama kajian ini sudah pastilah bahasa Jakun yang dituturkan oleh Orang Asli Jakun di negeri Johor. Tokoh seperti Carey, Skeat & Blagden, Wilkinson dan ramai lagi menyatakan bahawa Orang Asli Jakun kini menuturkan bahasa Melayu sahaja. Namun begitu, kenyataan bahawa Orang Asli Jakun bertutur bahasa Melayu sahaja adalah sesuatu kenyataan yang tidak sesuai dan tidak tepat. Hal ini disebabkan apabila seseorang itu mendengar Orang Asli Jakun bertutur sesama mereka, penutur jati bahasa Melayu sendiri sukar untuk memahami sepenuhnya pertuturan antara Orang Asli Jakun tersebut. Terdapat perkataan yang berbeza dan paling ketara sekali ialah perbezaan bunyi dengan bunyi bahasa Melayu standard. Sebagai contoh, sekiranya Orang Asli Jakun di Johor sudah tidak menuturkan bahasa mereka apabila berkomunikasi sesama mereka, sudah pastilah

bunyi pertuturan mereka akan berbunyi seperti bahasa Melayu dialek Johor-Riau disebabkan faktor kawasan yang didiami oleh mereka, iaitu di Johor. Namun begitu, perkara tersebut tidak berlaku, sebaliknya bunyi pertuturan mereka apabila mereka bertutur sesama sendiri jauh berbeza dengan bunyi dialek Melayu Johor-Riau.

Selain itu, seperti bahasa Melayu, bahasa Jakun juga mempunyai dialek-dialeknya sendiri. Buktinya, Skeat & Blagden (1966: 386) pernah membandingkan 11 perkataan antara dialek Jakun 1 dengan dialek Jakun 2. Hal ini membuktikan bahawa bahasa Jakun mempunyai dialek-dialeknya yang tersendiri, namun kajian terperinci perlu dilakukan untuk mengenal pasti kawasan pertuturan dialek-dialek Jakun ini di negeri Johor. Oleh itu, isu bahasa Jakun ini telah menghasilkan beberapa permasalahan kajian yang menyebabkan kajian ini perlu merungkaikan permasalahan tersebut, seperti kewujudan dialek-dialek dalam bahasa Jakun, bahasa Jakun tidak mempunyai sistem tulisan sendiri, isu bahasa Jakun meminjam hampir semua kosa kata bahasa Melayu dan kepupusan bahasa.

1.3 Penyataan Masalah

Terdapat beberapa permasalahan kajian yang telah dikenal pasti dalam kajian ini. Antara permasalahan kajian yang dikenal pasti dalam kajian ini adalah kewujudan dialek-dialek dalam bahasa Jakun. Kebanyakan penutur bahasa Jakun mengetahui bahawa terdapat perbezaan pertuturan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun. Perbezaan pertuturan inilah yang dikatakan menyebabkan wujudnya dialek-dialek dalam bahasa Jakun. Dialek-dialek Jakun ini wujud mengikut sesuatu kawasan perkampungan Orang Asli Jakun di sesuatu daerah itu. Namun

begitu, penutur bahasa Jakun tidak dapat menamakan dialek-dialek yang wujud dalam bahasa ini kerana dialek-dialek tersebut tidak mempunyai nama yang tersendiri. Skeat & Blagden (1966: 386) pernah melakukan kajian terhadap bahasa Jakun dan mereka hanya menamakan dialek tersebut sebagai bahasa Jakun (1) dan bahasa Jakun (2).¹ Hal ini berbeza dengan bahasa Melayu yang mempunyai nama dialek, seperti dialek Melayu Johor, dialek Melayu Kelantan dan banyak lagi. Tambahan lagi, masyarakat luar seperti Melayu, Cina, India dan sebagainya tidak mengetahui kewujudan dialek dalam bahasa Jakun dan mereka menganggap bahawa semua Orang Asli Jakun menuturkan sebuah dialek atau bahasa yang sama sahaja. Oleh itu, sistem fonem bagi kedua-dua buah dialek tersebut perlu dikaji dan dihuraikan bagi membuktikan wujudnya dua buah dialek Jakun di negeri Johor. Sistem fonem biasanya akan memperlihatkan senarai perkataan yang dikutip di lapangan yang mempunyai fonem vokal, konsonan dan diftong. Senarai perkataan inilah yang akan membuktikan sesuatu bahasa itu mempunyai sebuah dialek sahaja atau lebih daripada sebuah dialek. Hal ini menyebabkan kajian ini perlu dilaksanakan bagi membuktikan sama ada bahasa Jakun memiliki dialek-dialeknya yang tersendiri seperti bahasa Melayu ataupun tidak.

Selain itu, bahasa Jakun juga tidak mempunyai sistem tulisan sendiri kerana bahasa Jakun hanya bersifat lisan. Skeat & Blagden (1966: 379) pernah menyatakan bahawa salah satu masalah utama bahasa-bahasa Orang Asli di Semenanjung Malaysia ini ialah bahasa ini terpecah kepada banyak dialek dan majoritinya tidak bertulis. Hal ini disebabkan pada zaman dahulu, masyarakat Orang Asli tidak mencapai pengetahuan bahasa yang tinggi, terutama sekali dari sudut seni penulisan

¹ Kajian yang telah dilakukan oleh Skeat & Blagden (1966) ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut lagi dalam bahagian sorotan literatur kajian ini. Hal ini disebabkan kajian tersebut merupakan salah satu kajian terawal yang dilakukan terhadap masyarakat Orang Asli di Malaysia.

(Skeat & Blagden, 1966: 379). Oleh itu, sesuatu data bahasa yang disimpan itu perlulah berbentuk tulisan supaya mudah dibukukan untuk tatapan generasi akan datang. Kajian ini berperanan untuk mentranskripsikan bahasa Jakun ini ke dalam bentuk lambang IPA (*International Phonetic Alphabet*). Justifikasi perlunya transkripsi fonetik ini dilakukan berbanding dengan transkrip secara ortografik (sistem tulisan rumi biasa) adalah kerana transkripsi secara fonetik membolehkan data dialek-dialek Jakun itu disebut dengan bunyi yang betul. Hal ini disebabkan kebanyakan huruf yang terdapat dalam sistem tulisan ortografik tidak mempunyai sifat bunyi yang sama seperti dalam bahasa lisan. Di samping itu, melalui proses pentranskripsian dialek-dialek Jakun inilah kajian ini dapat menghuraikan sistem fonem yang terdapat dalam dialek-dialek Jakun.

Di samping itu, isu kelestarian bahasa atau kepupusan bahasa juga merupakan salah satu isu yang penting yang perlu diambil berat dalam melaksanakan kajian ini. Umum mengetahui bahawa bahasa peribumi atau bahasa yang dituturkan oleh Orang Asli ini merupakan bahasa minoriti yang berisiko tinggi untuk mengalami kepupusan. Situasi ini juga berlaku dalam bahasa Jakun yang mempunyai kemungkinan untuk pupus disebabkan dominasi bahasa Melayu standard sebagai bahasa yang paling dominan di Malaysia. Keupayaan seseorang ahli linguistik atau antropologi itu untuk mengelakkan sesuatu bahasa itu pupus adalah amat sukar kerana isu ini melibatkan kesedaran yang timbul dalam kalangan masyarakat bahasa itu sendiri untuk mengekalkan bahasa pertama mereka. Ahli linguistik atau antropologi hanya berkeupayaan untuk membukukan data bahasa bagi bahasa-bahasa peribumi yang mempunyai kemungkinan untuk pupus sahaja. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan bagi membukukan data bahasa Jakun yang mempunyai kemungkinan untuk pupus

pada masa akan datang. Pembukuan data bagi bahasa Jakun ini akan diperoleh melalui huraian sistem fonem, proses fonologi dan perbandingan 200 kosa kata dasar bagi dua buah dialek Jakun yang dikaji dalam kajian ini. Hasil kajian ini bukan sahaja dapat disimpan dan dirujuk oleh generasi akan datang, malah kajian ini juga diharapkan dapat memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun untuk mengekalkan dan menggunakan bahasa Jakun dalam kehidupan seharian mereka supaya bahasa Jakun ini tidak pupus ditelan zaman.

Seterusnya, permasalahan yang boleh dikenal pasti dalam kajian ini ialah isu berkaitan bahasa Jakun dianggap sebagai bahasa yang meminjam hampir semua kosa kata bahasa Melayu. Kebanyakan tokoh linguistik seperti Carey (1976), Skeat & Blagden (1966) dan ramai lagi menganggap masyarakat Orang Asli Jakun ini telah banyak meminjam kosa kata bahasa Melayu. Isu peminjaman bahasa ini mungkin boleh diubah dengan kenyataan bahawa bahasa Jakun dan bahasa Melayu ini berkongsi cabang bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu purba (*Proto Malayic*). Hal ini boleh dibuktikan melalui rekonstruksi fonologi berasaskan bahasa Melayu purba. Apabila proses rekonstruksi fonologi ini dilakukan, kajian ini akan melihat ciri-ciri yang dikongsi bersama antara bahasa Jakun dan bahasa Melayu purba, di samping dapat melihat sifat retensi (pengekalan) atau perubahan yang berlaku dalam bahasa Jakun. Hasilnya, kajian ini bukan sahaja dapat menghuraikan fonologi dialek-dialek Jakun, malah dapat melihat perhubungan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba.

Berdasarkan permasalahan-permasalahan yang telah dikenal pasti dalam kajian ini, kajian ini seterusnya meletakkan beberapa objektif yang akan cuba dicapai bagi merungkaikan permasalahan kajian yang telah dikenal pasti sebelum ini.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk meneliti, menghuraikan dan membandingkan aspek fonem, fonologi dan kosa kata dasar dua buah dialek Jakun yang dikenal pasti dalam kajian ini.

Seterusnya, objektif umum di atas akan dihuraikan dengan lebih spesifik bagi menjelaskan dengan lebih terperinci objektif-objektif tersebut. Yang berikut merupakan objektif spesifik kajian ini:

- 1) menghuraikan sistem fonem dua buah dialek Jakun;
- 2) menghuraikan proses fonologi dua buah dialek Jakun;
- 3) membandingkan kosa kata dasar, menentukan tingkat kekerabatan dan memastikan lama waktu dua buah dialek Jakun; dan
- 4) membandingkan kosa kata dasar, menentukan tingkat kekerabatan dan memastikan lama waktu dua buah dialek Jakun dengan bahasa Melayu standard.

Objektif (1) di atas berfokus kepada sistem fonem bagi dua buah dialek Jakun ini. Sistem fonem kedua-dua buah dialek Jakun ini perlu dihuraikan bagi menyatakan sistem fonem yang wujud dalam perkataan bagi dialek-dialek Jakun tersebut. Sistem fonem ini akan menggunakan contoh-contoh perkataan yang dikutip dari lapangan

dan contoh-contoh perkataan inilah yang akan menunjukkan perbezaan yang mungkin wujud antara dua buah dialek Jakun. Perbezaan yang mungkin timbul antara dua buah dialek Jakun ini adalah dari sudut perbezaan bunyi bagi perkataan yang sama, perbezaan penggunaan perkataan dalam sesuatu perkara dan sebagainya. Di samping melihat perbezaan antara dua buah dialek Jakun ini, sistem fonem ini juga akan menunjukkan ciri-ciri persamaan yang dikongsi bersama antara dua buah dialek Jakun ini disebabkan kedua-dua buah dialek tersebut tergolong dalam bahasa yang sama.

Bagi Objektif (2) di atas pula, Objektif (2) sangat berkait rapat dengan Objektif (1) kerana apabila contoh-contoh perkataan bagi dua buah dialek Jakun dibandingkan untuk melihat sistem fonem, terdapat kemungkinan perbezaan dan persamaan dari sudut fonologi yang mungkin dapat dilihat dalam contoh-contoh perkataan tersebut. Perbezaan dan persamaan yang mungkin wujud inilah yang perlu dihuraikan dengan lebih lanjut menggunakan teori fonologi atur rumus. Penggunaan teori sistem fonem hanya dapat melihat persamaan dan perbezaan antara dua buah dialek Jakun tersebut dari sudut permukaan sahaja. Oleh itu, teori fonologi atur rumus akan digunakan untuk menghuraikan secara lebih mendalam persamaan atau perbezaan yang timbul tersebut bagi menjelaskan punca sesuatu proses fonologi itu berlaku. Penggunaan teori fonologi atur rumus ini juga sangat sesuai digunakan dalam kajian yang melibatkan perbandingan antara dua buah dialek kerana dapat melihat perubahan yang berlaku antara dua buah dialek tersebut. Semasa menghuraikan proses fonologi kedua-dua buah dialek Jakun tersebut juga, kajian ini akan menggunakan bahasa Melayu purba sebagai bahasa asas. Hal ini disebabkan sesuatu huraian fonologi itu perlulah mempunyai bahasa asas yang sifatnya lebih

lama daripada bahasa yang sedang dikaji. Hal ini sekali gus membolehkan kajian ini melihat ciri-ciri yang dikongsi bersama, pengekaln (retensi) atau perubahan yang berlaku antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba.

Selepas kedua-dua buah dialek Jakun tersebut dibandingkan dari sudut fonologi, proses perbandingan yang seterusnya akan dilakukan menggunakan kosa kata dasar, iaitu penggunaan kaedah leksikostatistik yang merupakan Objektif (3) dalam kajian ini. Perbandingan antara dua buah dialek Jakun tersebut perlu dilakukan bagi membuktikan bahawa kedua-dua buah dialek itu tergolong dalam bahasa yang sama mengikut jadual tingkat kekerabatan bahasa yang dicadangkan oleh Swadesh (1954b: 326). Bukan itu sahaja, penggunaan kaedah leksikostatistik ini juga akan dapat membuktikan kewujudan dua buah dialek Jakun sekiranya terdapat perkataan yang tidak berkognat dalam senarai 200 kosa kata dasar yang digunakan semasa perbandingan.

Seterusnya, Objektif (4) kajian ini adalah membandingkan kedua-dua buah dialek Jakun tersebut dengan bahasa Melayu standard menggunakan kaedah leksikostatistik. Kedua-dua buah dialek Jakun tersebut perlu dibandingkan dengan bahasa Melayu standard untuk mengenal pasti dialek yang mana satu yang mempunyai hubungan kekerabatan yang lebih dekat dengan bahasa Melayu standard mengikut jadual tingkat kekerabatan bahasa dan lama waktu terpisah. Justifikasi kajian ini membandingkan dua buah dialek Jakun ini dengan bahasa Melayu standard dan tidak membandingkan dua buah dialek Jakun ini dengan bahasa Orang Asli yang lain adalah kerana bahasa Jakun dan bahasa Melayu standard tergolong dalam rumpun bahasa yang sama. Selain itu, isu peminjaman bahasa Melayu standard ke

dalam bahasa Jakun yang kerap dinyatakan oleh tokoh linguistik dan antropologi juga merupakan salah satu sebab kajian ini perlu membandingkan bahasa Jakun dengan bahasa Melayu standard supaya dapat membuktikan kenyataan tersebut sama ada benar atau tidak.

Akhir sekali, keempat-empat objektif spesifik yang telah dihuraikan sebelum ini bukan sahaja untuk merungkaikan permasalahan kajian yang telah dikenal pasti sebelum ini, malah objektif-objektif tersebut terhasil daripada persoalan-persoalan kajian yang timbul dalam kajian ini.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab empat persoalan, iaitu:

- 1) Apakah bentuk-bentuk fonem dialek-dialek Jakun?
- 2) Apakah proses fonologi yang berlaku dalam dialek-dialek Jakun?
- 3) Apakah persamaan dan perbezaan kosa kata dasar, tingkat kekerabatan dan lama waktu antara dua buah dialek Jakun?
- 4) Apakah persamaan dan perbezaan kosa kata dasar, tingkat kekerabatan dan lama waktu dua buah dialek Jakun dengan bahasa Melayu standard?

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini berfokuskan dialek-dialek Jakun yang dituturkan oleh Orang Asli Jakun sahaja. Orang Asli Jakun kebanyakannya tinggal di negeri Johor. Oleh itu, skop

kajian ini hanya berfokuskan masyarakat Orang Asli Jakun yang tinggal di empat buah daerah di negeri Johor sahaja, iaitu di daerah Kluang, Mersing, Segamat dan Kota Tinggi. Justifikasi kajian ini membataskan kajian terhadap empat buah daerah itu sahaja kerana keempat-empat buah daerah tersebut mempunyai banyak perkampungan Orang Asli Jakun. Di samping itu, pemilihan daerah-daerah tersebut membolehkan kajian ini memungut sejumlah data yang sesuai untuk membuktikan wujudnya kepelbagaian dialek Jakun mengikut kawasan di negeri Johor.

Selain itu, dari sudut huraian fonologi dalam kajian ini, kajian ini akan menggunakan data bahasa Melayu purba yang dihuraikan oleh Adelaar (1992). Data bahasa Melayu purba tersebut akan dibandingkan dengan data dialek-dialek Jakun bagi menghuraikan proses fonologi dialek-dialek Jakun tersebut. Data bahasa Melayu purba ini menjadi kerangka asas atau struktur dalam bagi menghuraikan fonologi bahasa Jakun.

Seterusnya, bagi melakukan perbandingan antara dialek-dialek Jakun ini, kajian ini akan menggunakan kosa kata dasar dalam dialek-dialek Jakun sebagai medium untuk mengenal pasti dan melakukan perbandingan antara dialek-dialek tersebut. Kosa kata dasar yang akan dipungut ialah kosa kata dasar mengikut senarai 200 buah kosa kata dasar yang digunakan oleh Swadesh (1955:133-137). Berdasarkan senarai 200 buah kosa kata dasar itulah kajian ini akan membuat perbandingan antara dialek-dialek Jakun. Setelah perbandingan antara dialek-dialek Jakun dilakukan, kajian ini akan membandingkan pula kosa kata dasar dialek-dialek Jakun tersebut dengan bahasa Melayu standard untuk menentukan hubungan kekerabatan dialek-dialek Jakun tersebut dengan bahasa Melayu standard. Justifikasi kajian ini ingin

membandingkan dialek-dialek Jakun ini dengan bahasa Melayu standard kerana terdapat pengkaji seperti Carey (1976) dan Williams-Hunt (1956) mengatakan bahawa masyarakat Jakun kini menuturkan hampir sepenuhnya bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini perlu membandingkan dialek-dialek Jakun ini dengan bahasa Melayu standard supaya dapat mengesahkan atau menidakkan kenyataan tokoh-tokoh tersebut.

1.7 Kepentingan Kajian

Sesuatu kajian yang bersifat ilmiah itu perlulah mempunyai kepentingan atau manfaat kepada masyarakat dan juga negara. Oleh itu, salah satu kepentingan kajian ini adalah membolehkan pembaca atau pengkaji yang bukan penutur bahasa Jakun melihat perbezaan dialek-dialek yang terdapat dalam bahasa Jakun. Hal ini disebabkan kebanyakan mereka masih tidak mengetahui bahawa bahasa Jakun mempunyai variasi bahasa. Kebanyakan mereka menganggap bahawa bahasa Jakun tidak mempunyai dialek. Oleh itu, kajian tentang dialek Jakun ini boleh menjadi rujukan dan bukti kepada pembaca dan juga pengkaji lain bahawa bahasa Jakun juga seperti bahasa Melayu yang mempunyai dialek. Bukan itu sahaja, hasil kajian ini juga boleh menjadi bukti kepada pembaca atau pengkaji lain bahawa bahasa Jakun ini merupakan salah satu bahasa daripada cabang bahasa induk, iaitu bahasa Melayu purba.

Di samping itu, kajian ini juga dapat mewujudkan kesedaran dalam diri masyarakat, terutama masyarakat Orang Asli Jakun tentang risiko bahasa Jakun itu akan pupus jika mereka tidak berusaha untuk menjaga dan menggunakan bahasa

tersebut dalam kehidupan seharian. Orang Asli Jakun merupakan masyarakat minoriti yang tinggal di Malaysia dan kemungkinan bahasa Jakun yang dituturkan oleh mereka akan pupus adalah tinggi disebabkan pelbagai faktor dan cara. Menurut Campbell & Muntzel (1989: 182-186) terdapat empat cara sesuatu bahasa itu akan mati atau pupus, iaitu kematian bahasa secara tiba-tiba, kematian bahasa secara radikal, kematian bahasa secara beransur-ansur dan kematian bahasa dari bawah ke atas (*bottom-to-top language death*). Selain itu, Skeat & Blagden (1966: 381) juga mengatakan bahawa Orang Asli ini biasanya akan menyerap secara beransur-ansur ciri-ciri yang dimiliki oleh jirannya yang lebih bertamadun (dalam konteks ini masyarakat Melayu) untuk meningkatkan skala sosial mereka dan hal ini sekali gus boleh menyebabkan bahasa atau dialek Orang Asli ini mati dan digantikan dengan bahasa yang paling dominan dalam sesuatu kawasan tersebut. Oleh itu, kajian ini penting dijalankan supaya penutur bahasa ini menyedari bahawa bahasa mereka sedang mati atau pupus secara beransur-ansur seperti yang digambarkan oleh Campbell & Muntzel (1989) dan Skeat & Blagden (1966) lama dulu. Kematian bahasa secara beransur-ansur ini bukan disebabkan masyarakat bahasanya telah mati tetapi disebabkan masyarakat itu tidak lagi menggunakan bahasa ibundanya dalam kehidupan seharian.

Seterusnya, data dialek-dialek Jakun yang diperoleh dalam kajian ini juga dapat disimpan sebagai bukti wujudnya kepelbagaian bahasa di negara Malaysia ini. Hasil kajian ini diharapkan bukan untuk disimpan sahaja tetapi sebaliknya menjadi pencetus kepada usaha kerajaan Malaysia untuk melindungi bahasa Jakun khasnya dan bahasa-bahasa peribumi yang lain amnya daripada pupus. Hal ini akan

menunjukkan bahwa bahasa-bahasa peribumi ini tidak dianaktirikan di peringkat nasional.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, bahagian ini telah membincangkan pengenalan asas tentang kajian ini yang meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian. Selanjutnya, bab seterusnya akan membincangkan metodologi dan kerangka teori yang akan digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis data yang dikutip di lapangan.

BAB 2

METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORETIS

2.1 Pendahuluan


Bahagian ini membincangkan metodologi kajian dan kerangka teoretis yang digunakan untuk menghuraikan data yang telah dipungut di lapangan. Metodologi kajian ini merangkumi kawasan kajian dan kaedah kajian. Bagi kerangka teoretis pula, terdapat tiga kerangka teoretis yang digunakan untuk menganalisis data yang dikutip di lapangan, iaitu kerangka teoretis leksikostatistik, sistem fonem segmental dan teori fonologi atur rumus.

2.2 Metodologi Kajian

Bahagian ini akan menerangkan latar belakang kawasan kajian dan kaedah kajian.

2.2.1 Kawasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan di empat buah daerah yang terdapat di negeri Johor, iaitu di daerah Kluang, Mersing, Segamat dan Kota Tinggi. Kajian ini dilakukan terhadap dialek-dialek Jakun yang terdapat di kawasan perkampungan Orang Asli Jakun di keempat-empat daerah tersebut. Berikut ialah Peta 2.1 yang menunjukkan daerah-daerah negeri Johor.



Peta 2.1: Peta daerah-daerah di negeri Johor

Sumber: https://www.google.com.my/search?q=peta+daerah+johor&biw=1280&bih=670&source=lnms&tbn=isch&sa=X&ved=0ahUKEwjb7dn6hJ_SAhUPhrwKHewhBpcQ_AUIBigB&dpr=1#imgrc=VFcxQncYjII_jM: (Diakses pada 21/2/2017)

2.2.2 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan beberapa kaedah pengutipan data dan analisis data. Sebelum mengulas dengan lebih lanjut tentang kaedah kajian yang akan dilakukan dalam kajian ini, penerangan tentang perkaitan antara dua subbidang linguistik ini akan dijelaskan terlebih dahulu. Secara umumnya, kajian ini berfokus kepada linguistik perbandingan yang menggunakan kosa kata dasar sebagai asas perbandingan dan bidang fonologi. Linguistik perbandingan ini berkait rapat dengan bidang linguistik sejarah kerana output akhir kajian ini akan memperlihatkan hubungan kekerabatan antara dua buah dialek Jakun dengan bahasa Melayu standard. Bidang fonologi dalam kajian ini pula berfokus untuk menghasilkan dua output yang utama, iaitu sistem fonem dan proses fonologi